

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Thursday, August 3, 2017 3:14 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: Lawatan Pelajar UCI ke Hamshi Style Sdn. Bhd



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

10 Zulkaedah 1438H bersamaan 3 Ogos 2017

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Lawatan Pelajar UCI ke Hamshi Style Sdn. Bhd

UUM ONLINE: Seramai 5 orang pelajar Program Inkubator Usahawan Kreatif Utara (UCI) Universiti Utara Malaysia yang terdiri daripada kumpulan Nhy Exclusive dan Qafi Printing, telah membuat lawatan industry ke sebuah syarikat tekstil ternama iaitu Hamshi Style Sdn. Bhd yang terletak di Bangi pada 1 Ogos 2017 baru ini. Rombongan ini diketuai oleh mentor iaitu Dr Massudi Mahmudin, Dekan PPA UUM CAS dan diiringi Mentor En Fitri Yusoff pensyarah SMMTC. Program lawatan ini dimulakan dengan disambut oleh Puan Akma Abdullah, pengurus syarikat kepada butik yang juga merupakan milik penyanyi Lan Kristal.



Sepanjang lawatan, para pelajar telah menemu bual beliau untuk mendapatkan serba sedikit ilmu dalam selok belok dunia perniagaan. Beliau sudi untuk berkongsi ilmu dan pengalaman beliau sepanjang mengurus Hamshi Style Sdn. Bhd. Temubual berakhir sekitar jam 4 petang. Secara keseluruhannya, para pelajar berpuas hati dengan perkongsian ilmu yang diberikan. Hasil dalam perbincangan ini apa yang dapat diperolehi adalah dengan mengetahui langkah yang perlu diambil untuk memulakan sesebuah perniagaan. Malah para pelajar mendapat maklumat mengenai trend-trend shawl terkini. Selain itu, mereka telah mendapat input yang

sangat berguna seperti bagaimana mahu mendapatkan pembekal dan material kain yang berkualiti dalam Malaysia tanpa perlu ke luar negara. Puan Akma juga ada berkongsi serba sedikit mengenai cabaran-cabaran yang beliau hadapi semasa menguruskan Hamshi Style Sdn. Bhd. supaya menjadi rujukan di masa hadapan.

Habis.

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my

Students Development & Alumni Office
@ppaumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.